

15 OCT 1997

Ling-MAS

BIAR PERDANA MENTERI BUAT KEPUTUSAN MENGENAI ISU MAS DAN JEREBU

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed perlu menangani masalah ekonomi negara, masalah lain pula timbul dan memerlukan kebijaksanaan beliau untuk mengatasinya.

Masalah itu ialah berhubung dengan layanan Penerbangan Malaysia (MAS) terhadap penumpangnya ketika jerebu melanda seluruh negara baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini telah membuat keputusan untuk menyerahkan isu MAS dan jerebu itu kepada Perdana Menteri.

"Saya telah melaporkan kepada Kabinet mengenai insiden yang timbul berikutan nasihat saya kepada MAS supaya memberi keutamaan serius kepada penumpang ketika beberapa penerbangan ditunda dan dibatalkan akibat jerebu," kata beliau kepada pemberita di sini.

Walaupun beliau tidak menjelaskan secara khusus mengenai insiden, tetapi Dr Ling jelas menarik perhatian kepada bantahan oleh kira-kira 800 kakitangan MAS Selasa lalu yang marah mengenai kenyataannya terhadap syarikat penerbangan itu. Ini diikuti dengan pertemuan antara wakil kakitangan dan Dr Ling.

Bagaimanapun, pengurusan MAS menjelaskan bahawa ia telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan operasi berjalan lancar tanpa membahayakan keselamatan penumpang dan pesawat. Langkah itu diambil dengan tujuan untuk memberi keselesaan kepada penumpang.

Dr Ling enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu sambil berkata kakitangan syarikat penerbangan itu harus menumpukan perhatian lebih ketika negara menghadapi kesulitan.

Beliau berkata Kabinet telah membincangkan perkara berkenaan tetapi "kami memutuskan untuk menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri."

Mengenai sama ada beliau berpegang kepada kenyataannya mengenai MAS, Dr Ling berkata beliau tidak perlu berbuat demikian kerana kenyataan itu dibuat atas arahan Kabinet.

Ketika ditanya sama ada beliau bersedia menemui pengurusan MAS, beliau berkata: "pintu rundingan saya sentiasa terbuka." -- BERNAMA

ARA JK FAZ